

UTHM tambah baik silibus akademik

BATU PAHAT 20 Jan. – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan merancang pelan tindakan untuk menyelaraskan dan menambah baik silibus program akademik dan kokurikulum sedia ada.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Mohd. Noh Dalimin berkata, langkah itu sejajar dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi untuk memperkasakan kebolehpasaran graduan serta pembangunan holistik para penuntut mulai tahun ini.

Justeru, pihaknya akan merencanakan aktiviti bagi memperkasakan pengetahuan dan kemahiran generik para penuntut serta meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dan komunikasi di kalangan mereka.

“Para penuntut yang berjaya memasuki universiti ini akan didedahkan dengan kegiatan kokurikulum ber kredit secara komprehensif dan kemahiran insaniah,” katanya dalam Amanat Tahun Baru 2010 di sini semalam.

Seramai 1,500 pegawai termasuk kakitangan akademik hadir pada taklimat yang disusuli pelancaran kios mesin juruwang automatik (ATM) enam buah bank termasuk CIMB Bank, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad di pekarangan kampus universiti berkenaan.

Mohd. Noh menggesa Pusat Kebudayaan, Kokurikulum dan Sukan UTHM agar mengambil inisiatif terbaik untuk menyahut cabaran bagi membuktikan universiti berkenaan bergerak seiring dengan keperluan pendidikan tinggi negara.

Selain itu, UTHM juga akan terus memantapkan lagi program ‘Finishing School’ untuk para penuntut yang bakal bergraduan.

“Program ini akan dilaksanakan secara komprehensif dengan memantapkan lagi

komponen utama pembelajaran iaitu kemahiran insaniah, teknikal, pembangunan keperibadian, pendedahan kepada teknologi terkini dan tambahan komponen berdasarkan keperluan semasa,” katanya.